

# 'Tiada kompromi pelajar biadab'

## Menteri beri amaran ambil tindakan tegas susulan kejadian guru ditendang

B-H 12/10/08 MS9

Oleh Adha Ghazali  
dan S Anand Kumar  
bhnews@bharian.com.my

Berita Harian, semalam.

**K**UALA LUMPUR: Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata beliau tidak akan berkompromi atau berlembut dengan pelajar yang biadap terhadap guru.

Beliau yang amat marah dengan kejadian guru di Kangar, Perlis dibelasah pelajar Tingkatan Dua termasuk diterajang berkali-kali pada perut, kelmarin, berkata tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mereka.

"Saya marah dengan kejadian ini. Saya tidak akan kompromi dengan pelajar kurang ajar dan biadap terhadap guru," katanya kepada

Sebelum kejadian jam 10 pagi di Sekolah Menengah Perlis (SMP), guru terbabit, Azahana Ibrahim, 27, dikatakan menegur pelajar perempuan berkenaan berhubung kelewatan menghantar tugas, terutama kandungan perkataan 'gila babi' yang diconteng pada kerja kursus.

Pelajar itu yang tidak puas hati dengan teguran Azahana kemudian membelasah guru terbabit sebelum menendang perutnya beberapa kali.

Hishammuddin berkata, Jawatankuasa Disiplin yang dipengerusikan Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Razali Ismail akan mengamalkan tindakan sewajarnya.

**“**Saya marah dengan kejadian ini. Saya tidak akan kompromi dengan pelajar kurang ajar dan biadap terhadap guru”

**Hishammuddin  
Hussein**  
Menteri Pelajaran

Sementara itu, di **KANGAR**, pelajar yang terbabit dalam kejadian berkenaan digantung sekolah selama seminggu berkuat kuasa serta-merta.

Pengarah Pelajaran negeri, Mansor Lat, berkata keputusan itu dibuat Jawatan-

kuasa Disiplin Sekolah yang bersidang pagi semalam.

Mansor berkata, hanya seorang pelajar digantung walaupun keterangan saksi termasuk rakaman klip video ketika kejadian menunjukkan dua pelajar terbabit dalam kejadian itu.

"Pihak sekolah sudah mengambil keterangan kedua-dua pelajar terbabit dan hanya seorang dikesan terbabit, manakala seorang lagi meleraikan kejadian itu.

"Kita menggantung persekolahan bagi membolehkan polis menjalankan siasatan dan tindakan akan diputuskan selepas siasatan selesai," katanya.

Mansor ketika mengulas kejadian itu berkata, pihaknya kesal dengan apa yang

berlaku, apatah lagi ia membabitkan guru dan pelajar.

Mansor ketika ditanya mengenai dakwaan kegiatan gangsterisme di SMP pula bagaimanapun menafikan aktiviti sedemikian wujud di sekolah berkenaan.

Sementara itu, di **KUALA TERENGGANU**, Jawatankuasa Permaufakatan Jabatan Pelajaran Perlis sudah mengadakan perbincangan bagi menyelesaikan kes berkenaan.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Razali Ismail, berkata kementerian memandang serius perkara itu kerana mencabar profesion keguruan selain kejadian yang tidak dapat diterima kerana guru diaibkan di depan pelajar sendiri.